



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

JUMAAT, 8 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>KPWKM PERKASA PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF, GEJALA SOSIAL</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1038295/kpwkm-perkasa-pendidikan-kesihatan-reproduktif-gejala-sosial">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1038295/kpwkm-perkasa-pendidikan-kesihatan-reproduktif-gejala-sosial</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/07/kpwkm-komited-perkasa-pendidikan-kesihatan-reproduktif-dan-sosial">https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/07/kpwkm-komited-perkasa-pendidikan-kesihatan-reproduktif-dan-sosial</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/community-called-to-help-tackle-rising-teen-pregnancy-concerns/">https://www.newsarawaktribune.com.my/community-called-to-help-tackle-rising-teen-pregnancy-concerns/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	<a href="https://selangorjournal.my/2023/12/ministry-to-strengthen-reproductive-health-education-among-teens-nancy/">https://selangorjournal.my/2023/12/ministry-to-strengthen-reproductive-health-education-among-teens-nancy/</a>	SELANGORJOURNAL.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>KPWKM MAHU TAMBAH PUSAT REMAJA KAFETEEN DI SARAWAK</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/07/kpwkm-mahu-tambah-pusat-remaja-kafeteen-di-sarawak">https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/07/kpwkm-mahu-tambah-pusat-remaja-kafeteen-di-sarawak</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://dayakdaily.com/nancy-calls-on-sarawak-schools-to-set-up-youth-kafeteen-centres/">https://dayakdaily.com/nancy-calls-on-sarawak-schools-to-set-up-youth-kafeteen-centres/</a>	DAYAKDAILY.COM
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/state-needs-more-kafeteen/">https://www.newsarawaktribune.com.my/state-needs-more-kafeteen/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>1,581 MANGSA BANJIR DI PASIR MAS BERLINDUNG DI 6 PPS MALAM INI</b>	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/689285">https://www.malaysiakini.com/news/689285</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2252056">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2252056</a>	BERNAMA.COM



UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)


f t i kpwkm

8/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>KES CABUL 14 PELAJAR OKU, POLIS TUNGGU LAPORAN SAHSIAH</b>	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/07/kes-cabul-14-pelajar-oku-polis-tunggu-laporan-sahsiah/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/07/kes-cabul-14-pelajar-oku-polis-tunggu-laporan-sahsiah/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://thesun.my/cerita/kes-cabul-oku-polis-tunggu-laporan-sahsiah-FM11843060">https://thesun.my/cerita/kes-cabul-oku-polis-tunggu-laporan-sahsiah-FM11843060</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/638524/berita/semasa/penganggur-direman-disyaki-rogol-pelajar-14-tahun">https://www.sinarharian.com.my/article/638524/berita/semasa/penganggur-direman-disyaki-rogol-pelajar-14-tahun</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penganggur-direman-disyaki-rogol-pelajar-14-tahun-449157">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penganggur-direman-disyaki-rogol-pelajar-14-tahun-449157</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>REMAJA DIDAKWA LIWAT SEPUPU LELAKI 6 TAHUN</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/12/07/remaja-didakwa-liwat-sepupu-lelaki-6-tahun/#:~:text=KEMAMAN%20%E2%80%93%20Seorang%20remaja%20dihadapkan%20ke,Sharifah%20Amirda%20Shasha%20Amir%20Sharifuddin.">https://www.kosmo.com.my/2023/12/07/remaja-didakwa-liwat-sepupu-lelaki-6-tahun/#:~:text=KEMAMAN%20%E2%80%93%20Seorang%20remaja%20dihadapkan%20ke,Sharifah%20Amirda%20Shasha%20Amir%20Sharifuddin.</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1186297/budak-13-tahun-tak-mengaku-liwat-sepupu-lelaki-6-tahun">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1186297/budak-13-tahun-tak-mengaku-liwat-sepupu-lelaki-6-tahun</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1038213/remaja-tak-mengaku-liwat-sepupu">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1038213/remaja-tak-mengaku-liwat-sepupu</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/638531/berita/semasa/remaja-mengaku-tidak-salah-liwat-sepupu-usia-enam-tahun">https://www.sinarharian.com.my/article/638531/berita/semasa/remaja-mengaku-tidak-salah-liwat-sepupu-usia-enam-tahun</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/remaja-13-tahun-mengaku-tidak-bersalah-tuduhan-liwat-sepupu-usia-6-tahun/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/remaja-13-tahun-mengaku-tidak-bersalah-tuduhan-liwat-sepupu-usia-6-tahun/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/07/remaja-mengaku-tak-salah-liwat-sepupu-6-tahun/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/07/remaja-mengaku-tak-salah-liwat-sepupu-6-tahun/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/remaja-dituduh-liwat-sepupu-lelaki/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/remaja-dituduh-liwat-sepupu-lelaki/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>PETANI DIDAKWA ROGOL TEMAN WANITA</b>	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/224890/petani-didakwa-rogol-teman-wanita/">https://www.dailyexpress.com.my/news/224890/petani-didakwa-rogol-teman-wanita/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY



## KPWKM perkasa pendidikan kesihatan reproduktif, gejala sosial

BERNAMA



NANCY Shukri. FOTO Bernama.

Sibu: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus komited dalam melipatgandakan usaha memperkasakan pendidikan kesihatan reproduktif dan gejala sosial dalam kalangan remaja.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata ini termasuk meningkatkan pembabitan kementerian dan agensi lain serta masyarakat bagi mengurangkan lagi statistik kes yang menyentuh isu kesihatan reproduktif dan sosial dalam kalangan golongan berkenaan.

"Kementerian telah melebarkan fokus dan usaha dengan membabitkan semua peringkat usia daripada kanak-kanak hinggalah warga emas.

"Masyarakat memainkan peranan yang signifikan dalam menerapkan ilmu pengetahuan dan tanggapan betul mengenai kesihatan reproduktif dan seksual, serta kaitannya dengan gejala sosial," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutupan Program Forum Advokasi Pendidikan Reproduksi Terutama Kepada Golongan Berkeperluan Khas Dari Perspektif Agama Di Sarawak di sini hari ini.

Nancy berkata meskipun kementerian atau agensi lain mempunyai program tersendiri, pihaknya tetap mencari jalan untuk menarik remaja kembali memperbaiki masa hadapan mereka.

Terdahulu, dalam ucapannya, Nancy berkata prevalens remaja di Malaysia yang melakukan hubungan seks meningkat daripada 7.3 peratus pada 2017 kepada 7.6 peratus pada 2022 dan trend ini membimbangkan dengan usia kali pertama melakukannya seawal 13 tahun.

Beliau berkata 88 peratus daripada mereka melakukan aktiviti seksual tidak menggunakan kondom dan tanpa sebarang kaedah perancang keluarga, selain kurang berpengetahuan dalam kesihatan reproduktif dengan hanya 1.3 peratus berumur antara 13 dan 18 tahun mempunyai pengetahuan mengenai HIV.

"Terdapat tiga negeri mencatatkan peratusan tertinggi bagi remaja berumur antara 13 dan 18 tahun yang pernah melakukan hubungan seks iaitu negeri Kelantan (9.5 peratus), Sarawak (9.1 peratus) dan Pulau Pinang (8.9 peratus)," katanya.

"Satu daripada faktor peningkatan kes berkaitan kesihatan reproduktif adalah pendedahan secara berlebihan kepada maklumat daripada media sosial dan internet yang berpotensi mempengaruhi tingkah laku mereka," katanya.

Beliau berkata perkara itu membawa kepada berlakunya hubungan seksual luar perkahwinan, penyakit jangkitan seksual, perkahwinan bawah umur, pengguguran yang tidak selamat dan pempuangan bayi.

Antara usaha kementeriannya ialah dengan penubuhan Kafe@TEEN yang menjadi pusat sehati bagi membantu remaja terbabit dengan kes kesihatan reproduktif dan sosial termasuk golongan kurang upaya yang berisiko tinggi untuk diambil kesempatan.

Katanya, sebanyak 18 Pusat Remaja Kafe@TEEN ditubuhkan di seluruh negara sejak 2006 dengan dua daripadanya terletak di Long Bedian dan Sri Aman, Sarawak.

"Kami mempunyai beberapa persatuan (yang menawarkan perkhidmatan seperti ini) tetapi kami mahu mempunyai lebih banyak lagi. Melalui aktiviti anjuran pusat sehati ini kita dapat melatih mereka (remaja) dan melengkapkan mereka dengan kemahiran," katanya.

Terdapat 600,000 rakan strategik Kafe@TEEN di seluruh negara dan pihaknya kini mengkaji untuk menambah jumlah kafe@TEEN di Sarawak.



mk BERITA

Afiq Hambali/Prime Minister's Office

## 1,581 mangsa banjir di Pasir Mas berlindung di 6 PPS malam ini



Bernama

Diterbitkan: Dec 7, 2023 10:09 PM · Dikemaskini: 10:09 PM


Jumlah mangsa banjir di jajahan Pasir Mas terus berkurang kepada 1,581 orang daripada 527 keluarga setakat 8 malam ini berbanding 2,338 orang daripada 756 keluarga yang direkodkan pagi tadi.

Menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hanya enam pusat pemindahan sementara (PPS) beroperasi berbanding sembilan pada pagi tadi.

PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Gual To' Deh menempatkan 640 mangsa daripada 211 keluarga, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gual Periok (108 mangsa daripada 30 keluarga) dan SMK Baroh Pial (224 mangsa daripada 85 keluarga).

Sebanyak 40 mangsa daripada 11 keluarga sedang berlindung di PPS SK Kedai Tanjong, SK Gual Periok (249 mangsa daripada 71 keluarga) dan Masjid Mukim Padang Licin (320 mangsa daripada 119 keluarga).

- Bernama



## Petani didakwa rogol teman wanita

Published on: Thursday, December 07, 2023

By: Cynthia D Baga

Text Size:   Dark Mode:



*Perbuatan di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan itu membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun, dan sebatan, jika sabit kesalahan.*

**KOTA KINABALU:** Seorang petani berusia 31 tahun didakwa merogol teman wanitanya di bawah umur.

Clerance Salimat mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Elsie Primus.

Dia didakwa merogol remaja perempuan berusia 15 tahun itu pukul 1.30 tengah hari pada 25 Nov, 2022 di sebuah rumah di Kota Belud.


Perbuatan di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan itu membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun, dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 25 Jan tahun depan untuk pengurusan kes praperbicaraan dan membebaskan Clerance dengan ikat jamin RM10,000 deposit RM5,000 beserta dua orang penjamin tempatan.

Clerance juga diperintah melaporkan diri di balai polis berhampiran sebulan sekali dan pasportnya, jika ada, disimpan oleh mahkamah sehingga pelupusan kesnya.

Dia juga diingatkan supaya tidak mengganggu atau berkomunikasi dengan saksi pendakwaan terutamanya mangsa.

Timbalan Pendakwa Raya Tham Pou Jin tampil untuk pendakwaan manakala peguam Chen Wen Jye mewakili Clerance.



## Kes cabul 14 pelajar OKU, polis tunggu laporan sahshiah

Ketua Polis Seberang Perai Utara, Mohd Asri Shafie, berkata pihaknya sudah selesai mengambil keterangan semua mangsa dan saksi terlibat.

Bernama - 07 Dec 2023, 7:27pm

46  
Shares

f Share

X Tweet

Share

Email



*Ketua Polis Seberang Perai Utara Mohd Asri Shafie berkata remaja lelaki yang juga pelajar OKU itu sudah dibebaskan dengan jaminan polis selepas siasatan selesai. (Gambar Reuters)*

**KEPALA BATAS:** Polis sedang menunggu laporan sahshiah pelajar Tingkatan Satu yang ditahan bagi membantu siasatan kejadian mencabul 14 pelajar lelaki orang kurang upaya (OKU) di asrama sebuah sekolah menengah di sini bagi melengkapkan kertas siasatan.

Ketua Polis Seberang Perai Utara Mohd Asri Shafie berkata pihaknya sudah selesai merekodkan keterangan semua mangsa dan saksi terlibat.


“Kita perlu mendapatkan beberapa perkara lagi, termasuk laporan sahshiah remaja 13 tahun itu daripada sekolahnya (untuk melengkapkan siasatan).

“Kertas siasatan akan disiapkan secepat mungkin, kita jangka akan diserahkan kepada polis kontinjen Pulau Pinang minggu depan, seterusnya dihantar ke Bukit Aman sebelum diserahkan kepada pejabat timbalan pendakwa raya untuk tindakan seterusnya,” katanya ketika dihubungi Bernama.

Beliau berkata remaja lelaki yang juga pelajar OKU itu sudah dibebaskan dengan jaminan polis selepas siasatan selesai.

Katanya kes disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Media sebelum ini melaporkan seorang pelajar Tingkatan Satu ditahan bagi membantu siasatan, selepas polis menerima laporan daripada pengetua sekolah dan semua mangsa berusia 13 dan 14 tahun yang juga OKU bermasalah pembelajaran, penglihatan, pendengaran serta autisme.



## Budak 13 tahun tak mengaku liwat sepupu lelaki 6 tahun

Oleh Rosli Ilham - Disember 7, 2023 @ 4:24pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



**CHUKAI:** Seorang remaja berusia 13 tahun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan atas pertuduhan meliwat sepupunya ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kemaman, hari ini.


Tertuduh membuat pengakuan itu selepas kertas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Sharifah Amirda Shash Amir Sharifuddin.

Tertuduh didakwa melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii tanpa kerelaan kanak-kanak itu di sebuah rumah di daerah ini kira-kira jam 12.23 tengah hari pada 25 November lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 377 C Kanun Keseksaan dan Majistret menetapkan 3 Januari depan sebagai tarikh semula sebutan kes.

Mahkamah turut membenarkan tertuduh yang tidak diwakili peguam itu diikat jamin sebanyak RM3,000 dengan seorang penjamin.

Sharifah Amirda turut mengenakan syarat tambahan supaya tertuduh tidak boleh mendekati dan mengganggu mangsa.



TAJUK : 4,349 KES JENAYAH SEKSUAL DIREKOD SEJAK 2021

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 8 DIS 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

**Kuala Lumpur:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan sebanyak 4,349 kes jenayah seksual termasuk dalam kalangan kanak-kanak sepanjang tempoh tiga tahun sejak 2021.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, jenayah seksual adalah kes tertinggi yang direkodkan pihaknya terutama membabitkan kanak-kanak.

Menurutnya, daripada keseluruhan jenayah seksual itu mendapati kes cabul (Seskyen 354 Kanun Ke-

## 4,349 kes jenayah seksual direkod sejak 2021

seksaan) merekodkan jumlah paling tinggi iaitu 2,506 kes sejak 2021 hingga Oktober lalu.

"Ia membabitkan 876 kes pada 2021, 872 kes (2022) dan 758 kes setakat Oktober lalu.

"Ini diikuti kes gangguan seksual yang merekodkan sebanyak 1,406 kes iaitu 506 kes pada 2021, 477 kes (2022) dan 423 kes pada tahun ini setakat Oktober lalu.

"Selain itu, kes kelucahan melampau merekodkan sebanyak 236 kes, manakala

memiliki bahan lucah (186 kes) dan menghendap (15 kes)," katanya kepada Harian Metro.

Mengenai jenayah seksual terhadap kanak-kanak, Siti Kamsiah berkata, peratusan kanak-kanak menjadi mangsa seksual adalah lebih tinggi iaitu 90 peratus daripada keseluruhan laporan yang diterima.

Beliau berkata, trend kini menunjukkan kes kanak-kanak menjadi mangsa seksual semakin meningkat.

Menurutnya, dalam tem-

poh dua tahun kebelakangan ini peratusan kanak-kanak yang menjadi mangsa rogol dan mengandug juga meningkat.

"Situasi ini berlaku (peningkatan kes) kerana kanak-kanak ini terdedah kepada elemen yang mendorong mereka kepada perlakuan seksual. Ini juga ada kaitan dengan kemajuan teknologi, komunikasi mudah, capaian Internet dan kawalan.

"Jika dianalisis secara keseluruhan, kanak-kanak ini tahu apa dilakukan (per-

lakukan seksual) adalah salah tapi memilih untuk melakukan perkara itu.


"Kanak-kanak kini seperti luntur nilai diri, tiada rasa takut dan malu serta mengetahui kesan akibat perbuatannya," katanya.

Menurutnya, masyarakat terutama ibu bapa perlu menampakkan kanak-kanak dengan moral dan budaya serta harga diri yang tinggi kerana dibim-

bangi jika kes jenayah seksual membabitkan golongan itu tidak ditangani di peringkat awal boleh mendatangkan kemudaratan lebih besar pada masa depan.



SITI Kamsiah



TAJUK : **UNDANG TEKANAN EMOSI MANGSA**

HARI : **JUMAAT**

TARIKH : **8 DIS 2023**

STONE : **NEGATIF**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

M/SURAT : **12**

SEKTOR : **KPWKM**

# Undang tekanan **emosi** mangsa

*Gangguan seksual bagi jantina sejenis sering dianggap perkara remeh walaupun ia satu kesalahan*

Oleh Mas Zharif Zharif  
Aziz Desa  
[zharifzafri@tv9.com.my](mailto:zharifzafri@tv9.com.my)

## Kuala Lumpur

Usikan terhadap jantina sejenis adalah hakikat yang tidak boleh disangkal berlaku dalam norma masyarakat di negara ini.

la sering disalah anggap kononnya sebagai gaurau semata-mata, namun sebenarnya mampu mengundang tekanan emosi terhadap mangsa.

Bukan sahaja terpaksa berdepan dengan perengai melampau si pelaku malah mangsa turut berada dalam dilema apabila isu membabitkan golongan lelaki kerap dipandang enteng.

Seorang mangsa yang hanya dikenali sebagai Faiz berkata, dia diperlakukan secara seksual fizikal oleh rakan sekerja lelaki hingga mengundang trauma dalam diri apabila diraba tanpa kerelaan.

Menurutnya, detik hitam itu tidak mudah dilupakan kerana berasakan ia sudah merobek maruahnyanya sebagai lelaki sejati selain dia masih menyimpan rasa marah terhadap si pelaku.

"Dia sudah melebihi dengan buat benda yang tidak sepatutnya. Sembang boleh tapi bukan fizikal."

"Dia kena hormat sebagai manusia. Mungkin kita melayan bukan makna kita nak buat perkara macam itu. Itu menjengkelkan. Bagi saya, dia kurang ajar. Kita boleh terima dia tapi jangan melampau," katanya.

Faiz berkata, alasan hanya bergurau sering digunakan oleh pelaku bagi me-

ngaburi tingkah laku itu supaya tidak diambil tindakan.

Seorang lagi mangsa yang mahu dikenali sebagai Khushyairi berkata, insiden diganggu secara seksual oleh penyelia lelaki di tempat kerja membuatnya memilih untuk terus berdamai diri kerana bimbang akan menjejaskan pekerjaan jika melakukan sebarang aduan.

"Tidak selamat kalau saya melaporkannya. Nanti ia berbalik kepada saya, jadi saya melihat kepada kerisauan kedudukan sebagai pekerja dan dia sebagai penyelia."

"Saya fikir masa depan saya juga tapi demi nak menjaga masa depan itu, saya terpaksa terima itu dengan hanya berdiam tapi dalam masa yang sama rasa trauma juga," katanya.

Selain itu, orientasi seksual dan kecenderungan terhadap jantina sejenis bermula seawal usia tujuh tahun mendorong ke arah berlakunya masalah ini.

Seorang pelaku yang enggan dikenali berkata, tindakan mendapatkan perhatian lelaki menerusi usikan seksual baginya adalah salah satu cara untuk mengurangkan tekanan emosi yang adakalanya mampu menjurus kepada respon suka sama suka daripada mangsa.

Menurutnya, sehingga pada usia 17 tahun, dia turut mengakui mula melakukan perbuatan seksual terhadap lelaki bagi memuaskan nafsunya.

"Saya suka lelaki tetapi kadang-kadang rasa malu. Jadi, saya menggunakan taktik cakap yang manis-manis dengan dia. Saya

suka lelaki tetapi berasa sangat puas bila kacau apatah lagi kalau ada respons daripada mereka. Mungkin sesuatu keterujaan yang saya inginkan," katanya.

Tambah memuaskannya, katanya, apabila lelaki sejadi yang diganggu itu mula bertukar menyukai jantina sejenis.

Sementara itu, aktivis anti gangguan seksual Fatimah Iliani Jamhari berkata, perbuatan gangguan seksual bermula daripada usikan dan gaurau lucu yang menjadi kebiasaan dalam kehidupan seharian masyarakat ketika ini.

"Masyarakat kita sudah dibiasakan dengan keadaan hiperseksualiti gaurau secara lucu apabila berinteraksi guna perkataan lucu dianggap biasa. Jadi kadang-kadang mungkin tiada niat untuk ganggu tetapi kekhacauan itu tetap berlaku."

"Apabila masyarakat melihat dan anggap satu isyarat bahawa sesuatu yang ringan, interaksi sosial sesama dia dianggap boleh untuk terus melakukan."

"Disebabkan itu, ia boleh berlaku di mana gangguan seksual itu dianggap sebagai gaurau atau perkara kecil sehingga mereka terus melakukan walaupun tahu bentuk sumbang dalam bicara mereka itu ada," katanya.

Pakar Psiko Kaunseling Universiti Kebangsaan Malaysia Dr Nasrudin Subhi berkata, isu ini perlu ditangani secara holistik tidak kira jenis jantina de-

ngan setiap mangsa perlu berani tampil ke hadapan.

"Seorang lelaki itu perlu merendahkan ego dia. Sebab pertama sekali untuk dia diklasifikasikan sebagai gangguan, dia harus merasa tersinggung. Kalau misalnya satu gangguan, dia diklasifikasikan sebagai masalah yang perlu diselesaikan."

"Dalam isu menangani masalah ini, pertama kena aku anda ada masalah dan perlu buka mulut. Jadi, sebenarnya mengambil langkah pertama itu adalah selalu langkah yang sukar untuk selesai sesuatu isu," katanya.

Menurutnya, jika sebarang perbuatan jenayah itu hanya dipendam, ia mampu mengundang implikasi psikologi yang lebih teruk terhadap mangsa.

"Dia akan berterusan menga-

lami isu yang sedang dialami. Katakanlah kalau dia rasa stres, dia akan merasa tekanan itu secara berlebihan. Kalau dia rasa murung, dia akan terus rasa murung dan kalau isu pengurusan mental ini tidak ditangani dengan baik, kita takut dia akan meningkat kepada keinginan bunuh diri."

"Sebabnya, dia merasakan diri dia tak berguna, kotor. Jadi, itu yang kita risaukan," katanya.

Menurutnya, pelaku juga perlu diberi perhatian dan bantuan berhubung kesi-



hatan mental dan emosi supaya dapat memperbaiki tingkah laku sumbang.

Dalam pada itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, jumlah golongan lelaki yang tampil melaporkan jenayah itu masih rendah.

Beliau berkata, wujud peningkatan aduan diterima menerusi advokasi yang dijalankan pihaknya.

"Kes kita 2020 ada 378 kes dan dilaporkan. Ia meningkat pada 2021 kepada 506 kes dan sedikit penurunan pada 2022 iaitu 477 kes tapi ini kes yang dilaporkan. Mungkin ada kes yang tak dilaporkan."

"Kita lihat di 13 negeri ada laporan mencatatkan 1,317 mangsa gangguan seksual dengan sekurang-kurangnya 368 orang ataupun 28 peratus daripadanya adalah mangsa lelaki di mana sebelum itu hanya berbelas, jadi kita dapat melihat peningkatan," katanya.

Menurutnya, didikan awal di rumah memainkan peranan besar dalam me-

nyemai nilai murni terhadap institusi kekeluargaan.

"Nilai-nilai murni dalam masyarakat kita terutama sekali dalam keluarga perlu diperkuatkan lagi supaya kita tahu apa yang baik, apa yang tidak baik. Dalam perkara ini kita mahu kanak-kanak berani beritahu ibu bapa atau keluarganya, tak boleh cagak sesuatu yang tidak baik."

"Kita mahu kanak-kanak ini jadi duta keluarganya sendiri. Jangan bercakap demikian supaya tak jadi perkara normal kepada keluarga itu dan anak ini perlu diberi kesedaran dan mereka perlu berani mengadu," katanya.

Penubuhan Tribunal Anti Gangguan Seksual di bawah Akta Anti Gangguan Seksual 2022 Akta 840 yang akan beroperasi sebelum Januari 2024 akan menjadi satu platform alternatif bagi menambah baik sistem perundangan dan pengendalian aduan gangguan seksual dengan cepat, mudah dan kos yang minimum.

“Mungkin kita melayan bukan makna kita nak buat perkara macam itu”  
Faiz



TAJUK :	'PREVENTIVE MEASURES ON TEEN PREGNANCY TO BE INTENSIFIED'		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	8 DIS 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Nancy (seated centre) poses for a group photo at the event.

# 'Preventive measures on teen pregnancy to be intensified'

Jane Moh

SIBU: It is high time to highlight and intensify efforts to prevent teen pregnancy among the state's youth, says Minister of Women, Family and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri.

The rising number of teen pregnancies in Sarawak, she said, is a cause for concern as to which the state has recorded a 9.1 per cent in adolescent pregnancy and has ranked second top nationwide.

According to Nancy, Kelantan recorded the highest with 9.5 per cent, while Penang came third with 8.9 per cent.

"This is getting more and more worrying, and with Sarawak being in the top list; it is time for me to go to my own state and share whatever resources we have in our ministry to address the issues.

"It is not just Sarawak, but of course, Sarawak is the second highest, and therefore we have to do something and work together with the community," she said.

She said this to the press after closing the 'Advocacy forum for reproductive education for special needs groups from Sarawak's religious perspective', held here yesterday.

Based on the cases, she said about 88 per cent of the teens

aged between 13 to 18 years old were found to have engaged in sexual activity, but were not fully informed about contraception, pregnancy and sexually transmitted infections.

Datuk Seri Nancy Shukri

"Prevalence of sexual activities among those aged 13 has increased from 7.3 per cent in 2017 to 7.6 per cent in 2022.

"Royal Malaysia Police's (PDRM) data shows that rape cases among those aged 18 and below is the highest in 2022 with 1,277 cases, followed by 235 incest cases, 66 cases of abandoned babies and 11 molest cases," she revealed.

Adding on, she disclosed that the Department of Syariah Judiciary Malaysia has recorded a total of 6,465 marriage registrations from young Muslim couples under the age of 18, throughout 2017 to 2021.

For the non-Muslims couples under 18 years old, the National Registration Department, meanwhile, recorded a total of 1,405 marriages throughout the same period.

"This is a priority and a

collective responsibility for everyone to reduce the statistics," she said.

For that, she said one of the ministry's initiatives was to set up more 'KafeTEEN' in Sarawak.


"KafeTEEN, as an interactive youth centre, enables teenagers to gather and see themselves as someone of value.

"When you empower them, they will showcase their talents and will appreciate their own values," she pointed out.

Since its inception in 2006 and with its current 18 premises nationwide, KafeTEEN has been acting as a one-stop centre for teenagers and has benefitted 1.7 million young adults.

Sarawak has two of such premises, with one in Sri Aman and the other one in Long Bedian, Baram.

On another matter, she remarked that a total of 235,428 people with disability (PWD) have been registered under the Social Welfare Department, in which 17 per cent of them are aged between 10 to 24 years old.



TAJUK :	FATIMAH KETUAI DELEGASI KEMENTERIAN KE PERSIFANGAN OMEP DI AUSTRALIA		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	8 DIS 2023	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



**UNTUK ALBUM:** Fatimah (tengah) bersama delegasi merakam kenangan dengan wakil Pusat Pengajian Kanak-Kanak dan Keluarga Mia Mia.

## Fatimah ketua delegasi kementerian ke Persidangan OMEP di Australia

**KUCHING:** Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah kini mengetuai delegasi kementerian untuk menyertai Persidangan OMEP Asia Pasifik Ke-12 di Australia.

Persidangan Pertubuhan Dunia untuk Pendidikan Awal Kanak-Kanak (OMEP) terbabit diadakan Universiti Macquarie Sydney dari 6 hingga 8 Disember ini.

Matlamat dan objektif OMEP, sebuah organisasi antarabangsa, bukan kerajaan dan tidak berasaskan keuntungan, adalah untuk mempertahankan dan mempromosikan hak kanak-kanak dengan penekanan khusus kepada hak untuk pendidikan dan penjagaan di seluruh dunia.


Untuk tujuan ini, OMEP akan membantu sebarang usaha yang boleh menggalakkan akses kepada pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak yang berkualiti.

Sementara itu pada 6 Disember, Fatimah berserta delegasi telah menyertai beberapa aktiviti sempena persidangan terbabit yang dihadiri delegasi dari 21 negara.

Antaranya, lawatan sambil belajar ke Pusat Pengajian Kanak-Kanak dan Keluarga Mia Mia, pendaftaran OMEP, lawatan sambil belajar ke Waratah Cottage dan majlis pelancaran Persidangan Asia-Pasifik Ke-12 OMEP.

Sementara itu pada 7 Disember, Fatimah diberi peluang membentangkan kertas kerja bertajuk 'Providing Access, Equity, Quality and Inclusive Early Childhood Education in Sarawak.'

Hadir sama, Timbalan Menteri Datuk Rosey Yunus, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Colliner Gohe, Ketua Bahagian Pembangunan Pendidikan Awal Kanak-Kanak kementerian Salina Bujang dan ramai lagi.



TAJUK : KPWKM MAHU TAMBAH PUSAT REMAJA KAFETEEN DI SARAWAK

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 8 DIS 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



**TERIMALAH:** Nancy (dua kanan) menyampaikan sijil kepada penceramah Forum Advokasi Pendidikan Reproduktif Terutama Kepada Golongan Berkeperluan Khas Dari Perspektif Agama Di Sarawak, semalam.

## KPWKM mahu tambah Pusat Remaja KafeTEEN di Sarawak

**SIBU:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mempunyai cadangan menambah jumlah Pusat Remaja KafeTEEN untuk remaja di Sarawak.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata, melalui Pusat Remaja KafeTEEN golongan remaja akan diperkasa supaya aktif, menerokai bakat dan menghargai diri sendiri.

“Kita perlu adakan program sebegini supaya menambahkan kesedaran kepada penduduk setempat untuk datang kepada kita.

“Malah penduduk setempat

dan sekolah kita galakan supaya berjumpa dengan LPPKN (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara) untuk mewujudkan Pusat Remaja KafeTEEN.

“Di Sri Aman dan Long Bedian tu jauh kita ada Pusat Remaja KafeTEEN.

“Baru ada dua, tapi kelab-kelab memang ada dan kita hendak tambah lagi, kita ada dari SABERKAS (Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak).

“Kita galakan sebab kita melatih mereka untuk jadi kaunselor, mereka ada aktiviti-aktiviti kalau melalui Pusat Re-

maja KafeTEEN,” ujarnya.

Nancy berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Forum Advokasi Pendidikan Reproduktif Terutama Kepada Golongan Berkeperluan Khas Dari Perspektif Agama Di Sarawak, semalam.

Menurutnya, terdapat ratusan ribu ahli sahabat Pusat Remaja KafeTEEN di seluruh negara dan Sarawak perlu menambahkan lagi.

“Saya menyarankan kepada mereka yang berada di Sarawak ini untuk menggunakan kemudahan yang kita ada,” katanya.



TAJUK : TANGANI GEJALA SOSIAL SECARA EFEKTIF

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 8 DIS 2023

M/SURAT : 01&02

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Tangani gejala sosial secara efektif

Tangani gejala sosial secara efektif

Oleh Florence Nervy

**SIBU:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) akan terus komited dan melipatgandakan usaha untuk memperkasakan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial terutama dalam kalangan remaja.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata, ini kerana isu sosial merupakan antara isu utama yang menjadi perhatian umum.

"Kita berhasrat untuk mengatasi gejala sosial secara efektif dengan pengetahuan dan kesedaran tentang kesihatan reproduktif dan sosial, demi membangun insan berbilang dan berintegriti untuk masa depan yang cerah," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Forum Advokasi Pendidikan Reproduksi Terutama Kepada Golongan Berkeperluan Khas Dari Perspektif Agama Di Sarawak di sini, semalam.

Ahli Parlimen Santubong itu berkata, forum tersebut adalah inisiatif awalan kolaboratif strategik antara KPWK dan Jabatan Mufti Negeri Sarawak serta Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak dalam menyebarkan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) 2022-2025 di Sarawak.

"Ini sebagai usaha dalam menangani isu sosial remaja dan kehamilan bawah umur. Besarlah harapan saya agar semua pihak terlibat dapat terus menyokong dan berkolaboratif dalam program kesihatan reproduktif dan sosial, terutama untuk generasi muda di institusi pengajian tinggi, sekolah



**UNTUK ALBUM:** Nancy merakamkan kenangan bersama para peserta Forum Advokasi Pendidikan Reproduksi Terutama Kepada Golongan Berkeperluan Khas Dari Perspektif Agama Di Sarawak di Sibu, semalam.

## ● KPWK akan perkasa pendidikan kesihatan produktif dan sosial terutama dalam kalangan remaja: Nancy

dan komuniti," jelasnya.

Katanya, dasar ini akan membantu remaja membuat pilihan bijak tentang kesihatan reproduktif dan seksual serta pengurusan tekanan, mengurangkan kehamilan remaja, pempuangan bayi, penyakit seksual, HIV/AIDS dan masalah mental.

"Ini juga meningkatkan

kesejahteraan keluarga tanpa mengira bangsa, agama, atau keupayaan," ujarnya.

Bercakap lanjut mengenai isu kehamilan remaja, Nancy menyeru semua pihak berganding bahu dalam usaha menangani isu tersebut yang semakin membimbangkan.

Menurutnya, Sarawak merupakan negeri kedua tinggi kes kehamilan dalam kalangan remaja, justeru Nancy berkata KPWK ingin mengajak lebih banyak agensi dan kementerian lain bersama-sama menangani isu tersebut.

◆ [Lihat Muka 2](#)

◆ **Dari Muka 1**

"Sarawak mencatatkan jumlah kedua tertinggi remaja berusia 13 hingga 18 tahun yang melakukan hubungan seksual, iaitu 9.1 peratus.

"Sementara itu, Kelantan mempunyai kadar tertinggi pada 9.5 peratus dan Pulau Pinang ketiga tertinggi dengan 8.9 peratus.

"Kes-kes itu semakin membimbangkan di Sarawak, justeru saya rasa sudah tiba masanya untuk saya pergi ke negeri sendiri dan berkongsi apa sahaja yang ada dalam Kementerian kita.

"Kita perlu melakukan sesuatu dan bekerjasama dengan masyarakat," ujarnya.

Katanya, pendedahan di Internet dan hubungan seks di luar perkahwinan dikenal pasti antara penyumbang kepada isu tersebut.

"Ini yang menjadi cabaran bagi kerajaan, masyarakat dan juga ibu bapa.

"Ia menjadi tanggungjawab semua masyarakat untuk membantu menanganinya dan

membantu apa lagi yang perlu kita lakukan," jelasnya.

Ketika ditanya tentang adakah program forum tersebut akan diadakan untuk agama-agama lain, Ahli Parlimen Santubong itu memberitahu, ini adalah permulaan di negeri Sarawak.

"Sebenarnya ada program dengan agama lain tetapi bukan seperti ini, lebih kepada program sebelum berkahwin.

"Apa yang kita saksikan hari ini (semalam), ia menjadi satu galakan untuk kami dan saya rasa itulah, kita boleh menjemput agama lain terutama di Sarawak dan Sabah kerana kita banyak etnik dari segi kepercayaan dan keagamaan, maka peluang untuk mengemukakan aktiviti seperti ini agak kurang kalau di Sarawak dan Sabah.

"Melalui program sebegini ia menjadi satu panduan untuk kami mengemukakan yang lain lagi.

"Kita berterima kasih kepada kerajaan Sarawak yang menerima kolaboratif (kementerian)," ujarnya.